

Qalam

Bilangan 21- Rejab - April 1952- 60 sen.

SATU TUJUAN

Ketibaan Syeikh Said Ramadhan seorang pengajur daripada Ikhwani al-Muslimin Mesir ke mari setelah melawat Indonesia baharu-baharu ini nampaknya adalah menjadi suatu ketibaan yang bolehlah kita sifatkan tepat pada masa dan sesuai dengan keadaan yang berlaku disekeliling kita hari ini. Sebabnya kita katakan begitu tidak lain dan tidak bukan dengan kerana ucapan-ucapannya yang berterus terang yang dibentangkannya dihadapan umum menyuruh kita memilih adakah kita akan memegang Islam atau kita akan membuangkannya sekali.

Sebab-sebabnya ia menyuruh memilih itu, menurut pendapat kita yang kita dapat daripada peti-peti ucapannya, tidak lain oleh kerana sekiranya seseorang itu hanya mengambil sebahagian sahaja daripada pengajaran Islam dan meninggalkan yang terlebih besar daripadanya. Maka yang demikian itu tidak berfaedah bahkan akan merosakkan kedudukan Islam sendiri dan dengan sebab itu jika hendak menegakkan Islam tegakkanlah dengan sepenuh-sepenuhnya maknanya, kalau tidak janganlah hendak dipegang langsung jika kita halusi dan bandingkan perkataanya itu dengan keadaan kita di sini maka telah zahir kepada kita bahawa telah lama terjadi di dalam perjuangan kita melangkahkan agama itu hanya sebahagi sambil-sambilan juga yang membawa kesan pada setengah-setengah tempat bahawa agama itu dijadikan perkakas untuk menghimpunkan orang supaya terkumpul tetapi tiap-tiap langkah dan kerja sesudah mereka dikumpulkan bukannya sahaja tidak menegakkan perdirian Islam bahkan mereka juganya ada yang telah berterang-terang

melanggar hukum-hukum Islam dengan tidak bertabik kecuali lagi.

Sebagaimana kita telah kerap kali menggambarkan bahawa kewajipan tiap-tiap seorang Islam itu yang terlebih dahulu ialah menegakkan agamanya dan berkewajipan meninggikan syiar-syar agama atas diri tiap-tiap seorang itu maka begitulah juga pensyarah Ikhwan al-Muslimin yang utama itu telah menyeru supaya tiap-tiap seorang kita lebih dahulu mengutamakan agama Allah dan meninggalkan cara kebangsaan yang tidak jaya itu dan sekiranya mereka syak dengan yang demikian maka pensyarah itu menyuruh pilih di antara satu daripada keduanya iaitu beragama ataupun tidak beragama langsung yakni jangan pada satu-satu tempat mengaku beragama sedang pada tempat yang lain mengaku pula tidak beragama iaitu sifat-sifat muzabzab atau bermuka-muka yang dilaknat oleh Allah.

Tidak ada kelebihan atau kemuliaan yang akan didapat oleh tiap-tiap seorang kita selain daripada menumpukan segala tenaga dan menumpukan jihad kepada jalan Allah. Kita mesti bekerja dari satu ke suatu masa mendirikan agama Allah dengan tidak berharap sesuatu daripadanya selain daripada menuntut keredhaannya. Kita orang-orang Islam tiap-tiap seorang daripada kita adalah diwajibkan membentuk sedaya-dayanya untuk menegakkan syiar dan kemuliaan agama Allah dan kalau tidak ada perasaan yang sedemikian itu di dalam diri kita, maka menurut fikiran Syeikh Said Ramadhan lebih baik kita menentukan tidak menjalankan agama langsung

Dengan sebab itu Syeikh Said Ramadhan meminta kepada tiap-tiap sendi masyarakat Islam pada tiap-tiap malam hari di dalam beberapa saat suka berfikir dan memberi perhatian iaitu bagaimana pada siangnya ia telah hidup dan mendapat rezeki daripada kelimpahan Allah dan apa pekerjaan atau apa usaha yang telah dibuatnya menjalankan usaha untuk agama Allah yang telah memberi rezeki dan kebahagiaan kepadanya itu. Apabila kita muhu memikirkan yang demikian itu tiap-tiap malam barang sesaat juga dan bertanya kepada diri kita sendiri apa yang kita telah buat kepada agama kita sendiri maka-maka tak dapat diadakan akan terbit kemahuan kita menjalankan jihad

kita kepada jalan Allah dengan mendirikan di dalam tiap-tiap perangai dan kelakuan kita tiga perkara yang mustahak sebagai asasnya iaitu :

- (1) Istiqamah (tetap perdirian serta bersih hati)
- (2) Ikhwah (menghidupkan berkasih-kasih di antara saudara-saudaranya sesama Islam dengan menghapuskan hasad dan dendki) dan
- (3) Berjihad kepada jalan Allah.

Untuk membaikkan budi pekerti dan perangai kita hendaklah ketiga-tiga perkara yang tersebut itu kita tanya kepada diri kita masing-masing iaitu adakah kita telah beristiqamah membersihkan hati dan menetapkan pendirian kita kepada kebesaran-kebesaran Allah iaitu mengerjakan segala suruh dan meninggalkan larangannya ; (2) Adakah kita telah menjalankan kewajipan kita berkasihan-kasihan di antara sesama saudara kita, sakit seorang, merasa sakit semuanya, bertolong-tolongan diantara satu sama lain; dan (3) Apakah jihad-jihad yang telah kita buat untuk mendirikan agama yang kita junjung tinggi itu. Kita mesti menanya kepada masing-masing diri kita kerana masing-masing kita itu mempunyai tanggungjawab kepada perkara-perkara yang tersebut dan kita akan ditanya nanti didalam hal ini pada hari yang akan datang yang di dalamnya kita tidak dapat berdolak dalik memutar-mutar lidah kita dengan memberi pengakuan yang bohong dan dusta.

Sekarang telah terang bahawa di dalam masa kita mengaku beragama dan mengaku menuaikan tanggungan-tanggungan kita kepada agama kita itu adalah kepada kita suatu tanggungjawab bahawa kita tidak boleh berdua hati di dalam mengerjakan dan menuaikan tanggungan kita kepada agama dengan sepenuhnya atau kita keluar meninggalkanya sekali.

Dengan sebab itu hendaklah kita memilih dan kita disuruh pilih kepada Tuhan kita atau kepada yang lain daripadanya oleh kerana sesebuah kerja itu hendaklah tepat kepada satu tujuan dan tidak boleh berbelah bagi. Akhirnya hendaklah kita ingatkan ingatan yang diberi oleh Syeikh Said Ramadhan yang berkata bahawa sekiranya kita berkeyakinan

atas keEsaan Tuhan kita maka hendaklah tiap-tiap kita, tiap-tiap diri seseorang itu menuaikan tanggungannya masing-masing dengan tidak membanyakkan cakap tetapi kerja, kerja dan kerja adanya.

* * * * *

HURUF JAWI

Di dalam permesyuaratan ahli-ahli persuratan Melayu yang akan datang di antara lain-lain suatu agenda menghendaki pertukaran di antara huruf jawi kepada rumi telah dicadangkan.

Kita telah menyiaran beberapa makalah di dalam majalah ini yang memperingatkan apa ertinya pertukaran huruf itu kepada kebudayaan Islam dan pengaruh-pengaruhnya yang akan meliputi kerosakan yang ditujukan kepada Islam didalam negeri ini yang di dalamnya tersembunyi maksud-maksud penjajahan “yang bermaharajalela” dari satu ke suatu masa membawa suatu tujuan untuk menukar kebudayaan Islam kepada kebudayaan yang lain daripadanya.

Tidak hairan kalau perkara yang sedemikian itu dibawa ke dalam permesyuaratan itu nampaknya oleh suatu puak yang di dalamnya terkandung suatu lingkungan yang tidak mempunyai cita-cita untuk meninggikan kemuliaan agamanya di negeri ini. Dengan sebab itu kita berharap nanti di dalam permesyuaratan persuratan itu tatkala dibahas perkara yang demikian itu hendaklah diingat bahawa kebudayaan yang mesti dipertahankan oleh orang-orang Melayu ialah kebudayaan Islam – bukananya kebudayaan Hindu atau lainnya.

Tulisan jawi itu maknanya menguatkan kebudayaan Islam dan kita telah melihat contoh-contohnya yang terjadi di Indonesia. Dengan demikian tiap-tiap suatu gerak atau langkah yang mencuba hendak meruntuhkan kebudayaan Islam itu hendaklah dipandang oleh orang Islam sebagai musuhnya. Ingatlah! Bahawa kita orang-orang Islam wajib mencemburui tiap-tiap langkah orang lain yang dari satu ke suatu masa mencari berbagai-bagai helah dan daya upaya untuk meruntuhkan dan mempengaruhi sebahagian daripada sendi masyarakat Islam di negeri ini adanya.